

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 28 MAC 2017

SOALAN :

YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan daya saing sektor pelancongan seperti mewujudkan inisiatif tambahan kepada agensi-agensi pelancongan dan apakah tahap pembangunan yang dirangka oleh Kementerian dalam meningkatkan lagi promosi destinasi pelancongan di Negeri Perlis yang semakin suram.

Bagi meningkatkan lagi kemasukan pelancong ke Negeri Perlis pula, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM19.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), untuk melaksanakan empat (4) projek pembangunan pelancongan di Negeri Perlis seperti berikut:

- i. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pekan Kuala Perlis (RM5.0 juta);
- ii. Pembinaan Bangunan Galeri DiRaja Baharu Di Istana Arau, Perlis (RM10.0 juta);
- iii. Menaiktaraf Taman Ular/ Gazebo Sungai Batu Pahat, Perlis (RM3.5 juta); dan
- iv. Projek Pengindahan Sg Perlis - Sakura Park (RM1.0 juta).

Untuk tujuan permohonan cadangan projek pembangunan baharu di bawah *Rolling Plan 3 (RP3)*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) kepada Kementerian ini, pihak Kerajaan Negeri Perlis melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah dipohon untuk bekerjasama dengan pejabat KPK Negeri Perlis bagi mengenalpasti projek pembangunan yang berpotensi untuk dilaksanakan. Keutamaan akan diberi kepada projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat (*people economy*) dan pertumbuhan ekonomi (*capital economy*).

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan terus memperkasakan usaha dan promosi untuk meningkatkan kemudahan prasarana pelancongan yang bersesuaian di Negeri Perlis bagi memastikan produk-produk pelancongan baru dan sedia ada dapat menarik kedatangan pelancong, selaras dengan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia iaitu menerima 36 juta pelancong dengan RM168 pendapatan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.